

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap/Kontrak** di UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

A. JAWATAN AKADEMIK

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
<p>Nota :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sila rujuk senarai Fakulti dan Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor. 2. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D). 3. Sila rujuk CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN seperti di lampiran. 					

**FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN
BAGI JAWATAN PENSYARAH/PENSYARAH KANAN/PROFESOR MADYA/PROFESOR**

KAMPUS	FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	BIDANG
KUALA PILAH	AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	BAHASA KETIGA (MANDARIN)

A. JAWATAN AKADEMIK

1. PENSYARAH UiTM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45
 - (c)
 - (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
 - (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,380.37)
KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51
 - (d)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan
 - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM51 : RM5,855.00)
KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)
 - (e)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan
 - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM53 : RM6,162.00)
KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)
 - (f)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan
 - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM51 : RM7,676.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang di <https://pengambilancns.uitm.edu.my/> dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan.
- b. Pemohon dikehendaki membeli nombor pin di dalam sistem Pengambilan UiTMCNS dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu jawatan yang dimohon.
- c. Sekiranya anda terpilih untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga adalah terbatal. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepilkan mengikut susunan berikut:
 - i. Borang Permohonan
 - ii. Kad Pengenalan
 - iii. Sijil Kelahiran
 - iv. Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - v. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci) (Jika berkenaan)
 - vi. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (Jika berkenaan)
 - vii. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - viii. Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - ix. Dokumen berkaitan yang dipohon
- d. Maklumat tambahan, bagi permohonan jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor:
 - i. Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau yang setaraf diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. (Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara
 - ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- e. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- f. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

Tarikh iklan dikeluarkan pada 5 Januari 2024 (Jumaat) dan tarikh tutup permohonan adalah pada 19 Januari 2024 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang